

**TAWARAN PERMOHONAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH KEPADA  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN IJAZAH SARJANA DAN  
KEDOKTORAN TAHUN 2017**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang sedang berkhidmat dan berkelayakan untuk memohon Cuti Belajar Bergaji Penuh bagi mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana atau Kedoktoran secara sepenuh masa di universiti awam dalam negara.

Tawaran permohonan ini dibuka mulai **01.02.2017 hingga 21.02.2017** secara **dalam talian sepenuhnya** melalui **Sistem e-Penawaran** di laman sesawang KPM <https://epenawaran.moe.gov.my>. Calon **DIWAJIBKAN** untuk **membaca dan memahami** syarat-syarat serta tatacara permohonan yang disertakan di dalam Sistem e-Penawaran sebelum mengisi dan mengemukakan permohonan.

Calon yang sedang berkhidmat di sekolah dinasihatkan untuk mengemaskini terlebih dahulu maklumat di dalam Sistem e-Operasi (<https://eoperasi.moe.gov.my>) sebelum mengemukakan permohonan untuk memudah dan melancarkan proses permohonan. Manakala calon yang bertugas selain di sekolah boleh terus mengisi dan melengkapkan maklumat yang diminta di dalam borang permohonan Sistem e-Penawaran.

Bahagian Tajaan Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**[Sila klik di sini untuk meneruskan permohonan](#)**